

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini.
 Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi

Insurans Pecah Masuk

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans terhadap kerugian akibat kecurian harta anda.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Polisi ini meliputi kerugian atau kerosakan harta diinsurangkan semasa di dalam premis perniagaan atau perdagangan yang timbul akibat:

- i. Kecurian akibat menerobos masuk atau pecah masuk ke dalam dan/atau keluar dari premis.
- ii. Kerosakan bangunan akibat kecurian atau sebarang percubaan yang berlaku yang ditanggung oleh anda dengan cara keganasan dan paksa ke dalam dan/atau keluar dari premis

Premis yang disebutkan dalam jadual tidak akan termasuk sebarang halaman, kebun, bangunan luar yang berasingan atau perlengkapan-perlengkapan lain, kecuali jika ditetapkan agar ia termasuk dalam jadual.

Anda boleh menginsurangkan harta anda berdasarkan dasar Nilai Penuh atau Kerugian Pertama:

1. Polisi Nilai Penuh

Dasar ini diambil apabila wujudnya kemungkinan keseluruhan harta yang diinsurangkan akan dicuri pada mana-mana satu masa. Anda hendaklah memastikan jumlah diinsurangkan adalah mencukupi kerana insurans tersebut adalah tertakluk kepada Fasal Purata yang mana anda tidak akan ditanggung rugi sepenuhnya pada waktu kerugian jika harta tersebut adalah diinsurangkan di bawah nilainya. Jumlah diinsurangkan yang betul adalah apa yang anda anggap paling tinggi nilainya yang berisiko pada mana-mana satu masa.

2. Polisi Kerugian Pertama

Dasar ini diambil jika adalah tidak mungkin keseluruhan harta diinsurangkan akan dicuri pada masa yang sama.

Anda harus memastikan harta anda diinsurangkan pada amaun yang berpatutan

Keterangan mengenai perlindungan yang tersedia hanyalah ringkasan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Sila rujuk kepada Borang Cadangan dan / atau kontrak Polisi untuk butiran lengkap Rancangan dan perlindungan / manfaat yang ada di bawah Polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda pada setiap tahun tertakluk kepada penerimaan The Pacific Insurance Berhad.

3. Berapakah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderitan pihak kami dan jumlah diinsurangkan bagi harta tersebut.

Jumlah Diinsuranskan : RM _____
 Kadar dikenakan : _____ %
 Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM _____

4. Selain daripada premium and Cukai Kerajaan (yang berkenaan), apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada agen insurans (Jika ada): Duti setem Cukai Perkhidmatan	25% daripada Premium RM10.00 Cukai Perkhidmatan yang berkenaan
Anda berkewajipan membayar apa-apa cukai yang dikenakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Duti dan Cukai Perkhidmatan) yang dikenakan oleh pihak berkuasa Cukai Malaysia berhubung dengan Polisi anda.	Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM100.00.

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- Anda hendaklah mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk untuk menghalang kejadian pecah masuk.
- Waranti Premium- Premium mesti dibayar dalam masa 60 hari dari tarikh bermulanya perlindungan baik melalui Polisi/endosmen/pembaharuan
- Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, kontrak ini akan terbatalkan secara automatik dan The Pacific Insurance

Berhad berhak kepada premium secara kadar pro rata pada tempoh anda berisiko.

- Kecuali stok, anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Penggantian:
 - Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang hilang atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai.
 - Nilai Penggantian – pihak kami akan mengembalikan semula membaiki atau mengganti harta yang hilang atau rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos penggantian harta anda.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans terkurang), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak kami menanggung rugi anda.

Kontrak Insurans Pengguna

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

6. Apakah pengecualian penting dibawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

1. Melainkan sebaliknya dinyatakan dengan jelas di dalam Polisi, Insurans ini tidak melindungi:
 - (a) 1) Harta dipegang sebagai amanah atau atas komisen.
 - 2) Bulion atau batu permata belum berikat,
 - 3) Apa-apa barang yang ganjil atau hasil kerja seni,
 - 4) Manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan,
 - 5) Sekuriti, obligasi, atau dokumen daripada sebarang jenis, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain,
 - 6) Barang-barang emas atau perak, jam tangan atau barang kemas,
 - 7) Kenderaan Bermotor dan aksesori,
 - 8) Binatang Ternakan
 - (b) Kehilangan atau kerosakan ketika premis dipinjamkan, disewakan atau disewakan pula.
 - (c) Kehilangan atau kerosakan kepada Kepingan Kaca, yang boleh diinsuranskan di bawah polisi Insurans Kepingan Kaca,
 - (d) Kehilangan atau kerosakan yang mana-mana ahli keluarga, staf perniagaan (sama ada pekerja bergaji atau atas komisen, atau sebagai orang gaji sambilan), atau pembantu rumah Orang Yang Diinsurans atau sesiapa secara sah berada di premis, dikaitkan sebagai prinsipal atau tambahan.
 - (e) Sebarang jenis Kerugian Turutin apa saja.
2. Insurans tidak melindungi sebarang kehilangan atau kerosakan yang sama ada dalam bentuk asal atau perluasan secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, disebabkan oleh atau disumbang oleh sebarang kejadian berikut, iaitu:-
 - (a) Sebarang jenis kebakaran atau letupan apa saja.
 - (b) Gempa bumi (sama ada dari operasi melombong atau sebaliknya), letusan gunung berapi, atau konvulsi alam semula jadi lain.
 - (c) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon, atau gangguan atmosfera yanq lain.
 - (d) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - (e) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang ramai, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, atau penjarahan, rampasan atau rompakan, berkenaan dengannya, atau sabotaj

- (f) Penyitaan, pemiliknegaraan, pengambilan atau pemusnahan yang disengajakan oleh mana-mana Pihak Berkua Kerajaan, Perbandaran Awam, Tempatan atau Kastam.
- (g) Reaksi nuklear atom.

Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, disebabkan oleh atau disumbang oleh atau yang timbul dari atau yang berkenaan dengan sebarang peristiwa tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh insurans ini, kecuali sehingga Orang Yang Diinsuranskan membuktikan yang kerugian atau kerosakan demikian berlaku secara bebas daripada kewujudan keadaan yang luar biasa demikian. Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Syarikat mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan pengecualian ini apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan demikian dilindungi hendaklah terletak pada Orang Yang Diinsuranskan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap dan bukan untuk Pakej Umum dan Bahagian Lain Dasar. Sila rujuk kontrak dasar sampel untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad tanpa sebarang tuntutan yang timbul semasa tempoh insurans semasa. Walau bagaimanapun, bayaran balik premium tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting anda memaklumkan The Pacific Insurance Berhad mengenai apa-apa perubahan dalam hubungan atau butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menjurut sampai anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans Pecah Masuk, anda boleh hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau layari www.pacificinsurance.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

The Pacific Insurance Berhad
40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian bebas tol: 1800 88 1629
E-mel: customerservice@pacificinsurance.com.my Laman Web: www.pacificinsurance.com.my

10. Apakah lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang diberikan oleh The Pacific Insurance Berhad?

Sila rujuk di cawangan atau ejen kami untuk mengetahui lain-lain jenis perlindungan insurans yang serupa.

11. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....
Tandatangan

NOTA PENTING:

1. Anda harus membaca dan memahami Polisi Insurans dan berbincang dengan Ejen Insurans atau hubungi The Pacific Insurance Berhad untuk maklumat lanjut.
2. Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 7 Dec 2020.
3. The Pacific Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.